



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

1. Apakah industri kritikal / kilang yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Hanya industri kritikal / kilang terpilih sahaja yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP, tertakluk kepada kelulusan MITI. Sila semak senarai produk yang dikategorikan sebagai keperluan / kritikal adalah seperti di **Lampiran 1**.

2. Adakah terdapat kelulusan / prosedur khas yang diperlukan untuk kilang beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Ya, syarikat mesti memohon kelulusan khas untuk meneruskan operasi kilang semasa PKP dengan menggunakan borang yang boleh dimuatturun di www.miti.gov.my dan diserahkan kembali kepada covid19sec@miti.gov.my. Syarikat yang diluluskan akan diberi Surat Kelulusan oleh MITI untuk beroperasi, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di **Lampiran 2**.

3. Bolehkah syarikat yang menghasilkan produk-produk yang tidak tersenarai di Lampiran 1 membuat rayuan untuk beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Tidak. Hanya syarikat yang telah diluluskan sahaja dibenarkan untuk beroperasi, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan. Langkah ini adalah penting untuk memastikan keberkesanan PKP.

Dalam situasi di mana mesin dan peralatan kilang perlu terus beroperasi atas sebab-sebab teknikal, kilang-kilang boleh meneruskan operasi mesin- mesin tersebut dengan pengawasan juruteknik yang minima. Permohonan bagi perkara ini boleh dikemukakan kepada MITI.

4. Bolehkah syarikat / kilang yang diluluskan beroperasi sepenuh masa sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Tidak. Hanya produksi pembuatan yang perlu sahaja dibenarkan untuk beroperasi, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan. Sebarang aktiviti yang tidak kritikal perlu diberhentikan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.

5. Bolehkah syarikat memohon pengesahan Perakuan Tempasal (*Certificate of Origin* - COO) sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Boleh. Permohonan pengesahan COO masih boleh dilakukan di Tingkat 2, Menara MITI dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai COO boleh dihantar melalui e-mel kepada allofficerskpi@miti.gov.my.

6. Bolehkah syarikat mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Sijil Tempasal Berkeutamaan (*Preferential Certificate of Origin* - PCO) di bawah skim Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreements* – FTA)?

Boleh. Permohonan untuk PCO boleh dikemukakan seperti biasa melalui sistem ePCO (<http://newepco.dagangnet.com/dnex/login/>).

7. Bolehkah syarikat memohon e-Form D di bawah *ASEAN Trade In Goods Agreement* (ATIGA)? Bagaimana?

Boleh. Syarikat perlu klik di ruangan ASEAN Single Window (ASW) sewaktu membuat permohonan bagi memastikan e-Form D tersebut dapat dihantar secara elektronik melalui platform ASW ke negara pengimport. Sekiranya syarikat menghadapi sebarang masalah, sila e-mel kepada apbpm@miti.gov.my dan careline@dagangnet.com.

8. Bolehkah syarikat memohon Lesen Import (*Approved Permit* - AP) sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Boleh. Permohonan boleh dibuat seperti biasa secara atas talian melalui sistem ePermit (<https://newepermit.dagangnet.com.my>).

Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui e-mel kepada ap@miti.gov.my.

9. Bolehkah syarikat memohon permit di bawah Akta Perdagangan Strategik (*Strategic Trade Act* - STA) sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?

Boleh. Permohonan permit STA boleh dibuat seperti biasa secara atas talian melalui sistem ePermit

(<https://newepermit.dagangnet.com.my>).

Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui e-mel kepada admin.sts@miti.gov.my.

10. Bolehkah syarikat memproses penghantaran produk ke/dari pasaran luar negara?

Boleh. Perkhidmatan logistik di Malaysia kekal beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.

Catatan:

1. MITI dan Agensi akan terus beroperasi semasa PKP. Pemain industri dan syarikat boleh menghubungi MITI melalui:

- *E-mel - covid19sec@miti.gov.my*
- *Kumpulan Facebook - MITI & Agensi Hotline*
- *Whatsapp + 6012-6072 750*

2. Untuk sebarang perkara lain, sila rujuk kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) di talian hotline - 03-8888 2010.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
19 MAC 2020**

A. Senarai Barang Penting yang Diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan (KKM)

Produk
<p>1. Makanan dan minuman termasuk barang-barang yang diimport</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beras • Gula • Minyak sayuran dan lemak haiwan • Tepung dan bijirin • Roti • Air • Produk tenusu – susu dan formula bayi • Rempah ratus • Makanan kering • Kopi dan teh • Makanan dalam tin • Daging • Ayam • Makanan haiwan / ternakan • Proses buah dan sayuran
<p>2. Pertanian dan perikanan, termasuk import</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ikan dan makanan laut • Buah-buahan • Sayur-sayuran
<p>3. Produk barangan rumah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan pencuci • Bahan pembasmi kuman • <i>Sanitisers</i> • Barang penjagaan diri • Tisu tandas dan kertas tisu
<p>4. Peralatan Perlindungan Peribadi (<i>Personal Protective Equipment - PPE</i>) termasuk Peralatan Keselamatan Kebakaran dan Pakaian Perubatan termasuk topeng muka, sarung tangan getah.</p>
<p>5. Farmaseutikal – semua bahan kimia dan ubat-ubatan</p>
<p>6. Bahan pembungkusan dan percetakan, termasuk dakwat</p>
<p>7. Peranti perubatan dan pembedahan</p>
<p>8. Bahagian untuk alat perubatan misalnya bahagian untuk ventilator</p>

B. Senarai Produk Yang Merupakan Sebahagian Daripada Rantaian Bekalan Produk Penting Bagi Pengecualian Sekatan Pergerakan

Produk
1. Minyak dan Gas
2. Petrokimia <ul style="list-style-type: none">• Resin PTA & PET• Serat poliester & filament• Polypropylene & polyethylene• Resin ABS & MABS• <i>Maleic Anhydride</i>• Resin Pes PVC (<i>PVC Paste Resins</i>)• <i>Expanded EPE</i>• <i>Impact modifiers & processing aids</i>• <i>Styrene Monomer</i>• <i>Styrene Butadiene Latex</i>• <i>Polystyrene</i>
3. Bahan dan produk kimia – Baja dan Racun
4. Elektrikal & Elektronik (E&E) termasuk semikonduktor

SYARAT-SYARAT SYARIKAT YANG DILULUSKAN UNTUK BEROPERASI

- i. Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa atau yang berdaftar, bagi pengeluaran di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Syarikat hendaklah mewujudkan sistem bekerja dari rumah bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti pengilangan yang kritikal.
- ii. Syarikat dikehendaki untuk memenuhi permintaan dan keperluan produk keluaran atau perkhidmatan bagi pasaran tempatan sepenuhnya.
- iii. Syarikat hendaklah mengemukakan kepada MITI senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh PKP dan memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke kilang/premis.
- iv. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan, dan mengambil bacaan suhu badan pekerja pada setiap hari di pintu masuk kilang/premis. Bacaan bagi setiap pekerja hendaklah direkod dan disimpan untuk rujukan.
- v. Sekiranya suhu badan didapati melebihi paras biasa, syarikat hendaklah menghubungi Pejabat Kesihatan atau Hospital Kerajaan terdekat.
- vi. Semua pekerja hendaklah mematuhi prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- vii. Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk dan tempat-tempat lain yang berkaitan dalam kilang/premis, serta memastikan pemakaian *face mask* oleh setiap pekerja.
- viii. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (*common spaces*) seperti lobi, lif, cafeteria, bilik-bilik mesyuarat, surau, bas/pengangkutan pekerja dan pusat rekreasi tertutup.
- ix. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/premis sebelum setiap shift atau operasi bermula.
- x. Syarikat hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses sanitasi dan pembasmian kuman setiap kali sebelum digunakan.

- xi. Syarikat hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik *social distancing* disediakan dan dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan pengeluaran fasiliti (*production floor*); cafeteria/kantin; bilik-bilik mesyuarat; surau dan dewan serba guna (*multipurpose hall*).
- xii. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah cemar premis, dan lain-lain kos yang berkaitan.
- xiii. Kerajaan ingin menegaskan bahawa kelulusan ini boleh dibatalkan dan ditarik balik, sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi oleh pihak syarikat/industri.
- xiv. Kerajaan berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.